

# Peranan kita terhadap OKU

## pendidikan al-Quran & OKU

Bersama **NORAKYAIREE MOHD. RAUS**  
Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian  
Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia



CATATAN sejarah kemanusiaan menemukan kita dengan pelbagai contoh layanan buruk, pengabaian dan penghinaan terhadap orang kelainan upaya (OKU).

Pernah dicatatkan dalam era kemilau tamadun Yunani bahawa anak-anak yang dilahirkan dalam keadaan tidak sempurna atau cacat dihukum mati sebaik mereka dilahirkan atau dibiarkan menjadi makanan binatang buas.

Begitu juga dalam sejarah beberapa tamadun awal lain, golongan minoriti ini tidak menyumbang kepada produktiviti negara malah, dianggap menjadi beban kepada masyarakat. Kaum keluarga akan berhadapan dengan hukuman maut sama ada dibunuh atau dibakar.

Paling kurang, mereka akan

diasingkan daripada kehidupan manusia biasa.

Ini sangat berbeza dengan pendekatan yang diambil Nabi SAW. Berasaskan konsep karamah insaniyyah (kemuliaan kedudukan sesama insan), beberapa episod interaksi Baginda

dalam menyantuni OKU yang termaktub dalam Hadis Nabawi menuntut kita menawarkan perkhidmatan dan bukan sekadar menyediakannya.

Perkara ini dapat dilihat daripada isu pokok dalam memberi hak beragama, hak pendidikan dan kebajikan, melarang perbuatan mencela hatta mendoakan kesembuhan serta memperuntukkan masa mendengar permasalahan mereka.

Ibn Abbas r.a. bercerita kepada Ata' bin Abi Rabah: "Mahukah saya tunjukkan kamu seorang wanita dari ahli syurga?"

"Ya," jawab Ata.

Ibn Abbas lalu menunjukkan kepadanya seorang perempuan tinggi berkulit hitam dikenali sebagai Ummu Zufar di sisi kelambu Kaabah.

Ibn Abbas selanjutnya menceritakan bahawa wanita itu pernah mengadu

kepada Rasulullah SAW tentang keadaannya yang menghidap penyakit al-Sara' (sawan) yang menyebabkan dia selalu tidak sedarkan diri sehingga terdedah auratnya.

Dia memohon supaya Baginda mendoakan kesembuhan untuknya. Lalu Rasulullah SAW memberi penerangan dan pilihan bahawa jika dia bersabar dengan penyakit yang ditakdirkan Allah SWT kepadanya itu, nescaya dia akan mendapat ganjaran syurga. Sekiranya dia mahu Rasulullah SAW mendoakan kesembuhan untuknya, Baginda akan berdoa supaya Allah SWT mengurniakan kesembuhan kepadanya.

Ummu Zufar lalu memilih untuk bersabar. Namun, dia memohon doa Rasulullah SAW supaya auratnya tidak lagi terdedah apabila diserang penyakit itu. Lalu Rasulullah SAW mendoakan untuknya.

Dalam kes ini, Umm Zufar memilih untuk bersabar demi balasan syurga tanpa hisab pada hari Akhirat. Namun, sebagai seorang wanita beriman, dia memohon supaya Rasulullah SAW berdoa untuknya agar apabila diuji dengan serangan sawan, Allah SWT memelihara auratnya daripada terdedah.

Daripada Anas r.a. bahawa seorang wanita yang mempunyai gangguan pada akalnyanya berkata kepada Rasulullah SAW: "Wahai Rasulullah! Sesungguhnya aku ada suatu hajat daripadamu."

Rasulullah bersabda: "Wahai Ummu fulan, pilihlah jalan mana yang kamu mahu supaya aku dapat berjalan bersamamu sehingga aku sempurnakan hajatmu itu."

Lalu Baginda mehuangkan masa bersama wanita itu di sebahagian jalan di Madinah sehingga Baginda selesai menyempurnakan hajatnya (Riwayat Imam Muslim).

Menurut Imam al-Nawawi, Rasulullah SAW berjalan bersama wanita tersebut di tempat awam dengan disaksikan orang ramai namun, mereka tidak mendengar apa yang dibualkan.

Hal ini memberi ruang kepada wanita itu bertanya sesuatu atau mendapatkan fatwa daripada Baginda mengenai situasinya yang berbeza daripada orang lain.

Sungguh! Andainya Rasulullah SAW berada di samping kita, mampukah kita menjawab pertanyaan Baginda mengenai bentuk sumbangan kita terhadap golongan OKU ini?